


# Mursidi Nambi guru bangsa kian dilupai



**CATATAN  
KANVAS KOYAK**

**DR BAHARUDDIN  
MOHD ARUS**

**P**ENULIS dan teman sudah lama ingin bertemu seorang guru yang sudah lama tidak kedengaran atau dilihat di khalayak ramai sama ada melalui pamerannya, majlis sastra atau pertemuan sosial maka kami mencari cari beliau dalam beberapa waktu hingga mendapat tahu lokasi kediaman beliau.

Maka akhirnya suatu pagi kami menunggu di depan rumah beliau di Jalan Sembulan Dua Kota Kinabalu setelah mendapat petunjuk dari seorang sahabat, hampir setengah jam menunggu tiba sebuah kereta putih meluncur masuk ke dalam garaj rumah beliau yang sederhana besar dan tanpa di sangka seorang agak berumur tetapi masih kuat berjalan perlahan-lahan menuju pintu rumah yang terbuka.

Penulis sangat kagum kerana beliau sendiri rupanya yang memandu kereta sebentar tadi. Setelah memperkenalkan diri, beliau dengan mesra menjemput kami masuk dan kami bersalaman dan berkenalan.

Dalam lingkungan umur 93 tahun Yang Berbahagia Orang Kaya Kaya Datuk Haji Mursidi Bin Nambi atau lebih di kenal di kalangan pelukis tempatan Murshidi 6B masih kuat memandu ke pasar dan tidak memerlukan pemandu untuk membawa di beliau ke mana mana sahaja, sedangkan kebanyakan individu yang sebaya dengan beliau sudah tidak lagi aktif atau perlu bantuan untuk bergerak.

Kami berbincang seterusnya berkaitan banyak perkara umpamanya tajuk popular seperti seni visual, pendidikan, agama, kepimpinan, kesusteraan tanah air tidak ketinggalan, hal semasa dunia dan kegiatan beliau semasa muda selama menjadi pemimpin guru tempatan. Melalui perbualan jelas sekali beliau sangat prihatin dan fokus

**DR LOKMAN Abdul Samad** mendapat petua dari Datuk Murshidi.

terutama fakta berkaitan isu semasa.

Beliau membuka bicara sejarah hidup semasa kecil dan membesar di Sarawak di samping mengimbu pengalaman pahit manis yang di lalunya menjadi seorang pendidik di beberapa buah sekolah, maktab perguruan dan institusi pendidikan di Sabah dan Sarawak.


Menurut beliau semasa menjadi guru beliau bukan sahaja mengajar seni visual bahkan juga mengajar banyak mata pelajaran termasuk sejarah, penulisan kreatif dan bahasa Melayu, Inggeris dan Jepun.

Bagaimanapun, seni visual dan penulisan kreatif menjadi pilihan beliau yang sangat dikenali masyarakat Borneo dan sangat beliau minati kerana kedua dua seni yang beliau ceburi dapat membantu dalam usaha beliau mendidik anak tempatan mencintai ilmu, membangkitkan semangat nasionalis serta mengukuhkan barisan perjuangan kemerdekaan negara. Pengalaman tersebut menurut beliau disedari melalui penjajahan Inggeris dan Jepun dalam tahun lima puluhan.


Sebagai contoh beliau telah mengetahui peristiwa mogok serta letak jawatan beramai ramai oleh guru Melayu di Sarawak pada tahun 1946 (Zaimee Sahibil 2013) sebagai membantah hasrat penjajah Inggeris untuk memerintah negeri Sarawak (*British Colony*) akibat dari kejadian tersebut beliau telah di tukarkan ke Sabah atau British North Borneo.

Ketika ini beliau banyak membuat lukisan khat di atas kertas, semasa penulis bertemu beliau di rumahnya terdapat karya khat yang telah siap bersusun di atas meja lukisan beliau dan terdapat juga beberapa

“Sebagai bukti beliau sedang menyiapkan buku bergambar yang di tulis dan dilukis sendiri oleh beliau justeru itu penulis berpeluang merakamkan buku beliau yang belum terbit.”



**NELAYAN** dengan gelombang cat air.



**BELUKAR** di Tepi Pantai catan minyak.


keping yang sedang di kerjakan oleh beliau. Kini beliau bergerak dengan menggunakan kerusi roda di ruang tamu di mana satu sudut menjadi studio lukisan beliau kerana terdapat beberapa buah lukisan yang tersandar bersusun yang belum pun dibingkai hanya menunggu untuk di pameran pada satu hari nanti menurut beliau.

Penulis juga ditunjukkan oleh beliau draft atau contoh dua buah buku puisi sejarah pahlawan Negeri-negeri Borneo yang sedang dilukiskan ilustrasi nya untuk buku beliau yang akan di terbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Negeri Sabah.

Sebagai seorang bekas guru, minat beliau terhadap pendidikan anak bangsa tidak dilupakan maka terdapat catatan mutakhir yang di simpan beliau berkaitan seni budaya dan sejarah dan perjuangan kemerdekaan Borneo.

Semasa di temu bual beliau juga menekankan kepada kepentingan pelukis muda menambahkan ilmu dan mencari contoh yang lebih baik dalam berkarya kerana pada pandangan beliau pelukis muda perlu membangkitkan kesedaran kepada semangat anak watan dan mengenang jasa pejuang kemerdekaan negara.

Sebagai bukti beliau sedang menyiapkan buku



**DATUK MURSHIDI** bersama penulis.

bergambar yang ditulis dan dilukis sendiri oleh beliau justeru itu penulis berpeluang merakamkan buku beliau yang belum terbit.


Pendek kata pertemuan yang singkat itu kami umpama dibukakan kotak khazanah atau *Pandora Box* Datuk Murshidi Nambi dan penulis begitu kagum akan kegigihan beliau dalam keadaan yang sudah lanjut umur insan kerdil ini tidak pernah merasa letih untuk menghasilkan karya seni dan ilmu untuk tatapan anak bangsa di masa hadapan.

Sesuai dengan puluhan gelaran dan anugerah di peringkat negeri, negara dan luar negara penerima Tokoh Guru Negeri Sabah dan Tokoh Budaya dan Sastra Negeri Sabah tahun 1984 gelaran beliau sebagai seorang guru bangsa sangat tepat sekali, dan pada hemat penulis aktiviti beliau selepas bersara tidak pernah kurang bahkan lebih banyak yang di lakukan beliau semasa berkhidmat dengan kerajaan dan bukan kerajaan.

Jika di rujuk semula dari aspek sejarah seni visual negeri Sabah menurut Ismail Ibrahim dalam bukunya bertajuk *Sejarah Seni Lukis Moden Sabah* (2012), beliau mengkategorikan Datuk Mursidi Nambi sebagai salah seorang pelukis perintis negeri Sabah dan bergerak bersendirian tanpa kumpulan pelukis dengannya beliau sendiri berjaya mengangkat seni visual negeri Sabah ke satu tahap yang tinggi jika dibandingkan dengan sumbangan oleh pelukis luar ketika itu seperti Tina Rimmer dan Simon Yew kedua duanya berasal dari China dan England.

Di samping itu penulis juga membuat penilaian terhadap beberapa karya beliau terdahulu menunjukkan Datuk Murshidi mempunyai keterampilan yang sangat tinggi dalam mengolah setiap karya beliau.

Pada hemat penulis keunkinan bakat beliau



**DATUK MURSHIDI** sedang melukis khat.

di murnikan melalui pendidikan seni lukis secara formal terutama semasa belajar di Maktab Perguruan Tanjung Malim pernah didedahkan kepada tradisi melukis antarabangsa maka sudah tentu pendekatan melukis secara *Academia* telah memberikan ruang yang luas bagi beliau mencuba beberapa gaya dan teknik misalnya dalam karya beliau yang terkenal *Nelayan* dengan *Gelombang* beraliran ekspresionis di ilhamkan Hokusai dari Jepun yang bertajuk *The Wave of Kanagawa*, lukisan tersebut sindirin sinis berbau patriotism menunjukkan keperihatinan serta penelitian mendalam pelukis menterjemahkan keberanian nelayan tempatan meredah badai besar yang akan menelan mereka ini membawa maksud kegigihan rakyat tempatan menempuh halangan untuk membebaskan diri dan menentang penjajahan Inggeris ataupun Jepun.

Jika diteliti pula karya beliau bertajuk *Belukar* di Tepi Pantai lebih menekankan kepada gaya aliran *Romantis* pengaruh

pelukis John Constable dan Thomas Gainsborough yang sangat menekankan kepada idealisme, kegemilangan alam dan kekaguman ciptaan tuhan. Jelas sekali kemahiran yang di miliki oleh Datuk Mursidi Nambi sangat tinggi tidak ramai pelukis tempatan memiliki kemahiran seperti beliau ketika itu oleh sebab itu tepat sekali apabila beliau digelar guru bangsa yang banyak mendahului zamannya dan sangat sesuai digelar salah seorang pelukis perintis tulen negeri Sabah.

Namun begitu jika dilihat senarionya pada hari ini beliau jarang di gendang atau di dendang kan lagi seperti dahulu, penulis merasakan tokoh yang serba boleh seperti beliau sangat susah di cari ganti di kalangan kita sepatutnya beliau dijadikan idola serta imej rujukan bagi mencari tokoh guru bangsa masa hadapan yang sentiasa menjadi inspirasi kepada generasi muda masa hadapan.

\*\*\*PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).\*\*\*